Sebahagian besar urusan niaga Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan yang melibatkan transaksi pelarasan debit berjumlah RM997,018,434,952 dan kredit RM1,003,486,389,330.

Penyata Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	Baki pada 1.1.2021 (Debit)/Kredit RM	Debit RM	Kredit RM	Baki pada 31.12.2021 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	22,722,748,634	1,197,562,599,947	1,205,881,382,962	31,041,531,649
Kumpulan Wang Pembangunan	(13,255,367,426)	84,774,422,071	86,060,257,424	(11,969,532,073)
Kumpulan Wang COVID-19	761,369	43,450,641,965	43,741,647,337	291,766,741
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	35,977,354,691	1,069,337,535,911	1,076,079,478,201	42,719,296,981
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	20,072,175,753	8,840,194,776	11,839,869,493	23,071,850,470
Kumpulan Wang Amanah Am	16,659,514,722	8,303,423,699	11,277,193,181	19,633,284,204
Kumpulan Wang Amanah Khas	3,412,661,031	536,771,077	562,676,312	3,438,566,266
AKAUN DEPOSIT	11,435,759,813	4,759,407,722	5,289,803,574	11,966,155,665
Deposit Am	11,303,344,115	3,906,996,916	4,440,076,996	11,836,424,195
Deposit Pelarasan	132,415,698	852,410,806	849,726,578	129,731,470
AKAUN AMANAH DISATUKAN	54,230,684,200	1,211,162,202,445	1,223,011,056,029	66,079,537,784

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang COVID-19 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(i) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan, terimaan balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini, jualan aset modal dan pelbagai terimaan.

Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM64,256,665,755 adalah termasuk penyaluran geran berjumlah RM9,647,346,096 yang merangkumi bayaran pokok, faedah dan kos lain bagi pinjaman yang dijamin kepada syarikat berkaitan Kerajaan.

Maklumat terperinci Perbelanjaan Pembangunan boleh dirujuk di Lampiran 2 : Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	(13,255,367,426)	(24,700,420,089)
TERIMAAN	65,542,501,108	62,804,908,426
Caruman Daripada Akaun Hasil Disatukan	2,235,696,217	474,705,193
Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan	62,317,002,625	61,071,047,806
Terimaan Balik Pinjaman	975,029,385	1,180,122,917
Jualan Aset Modal	12,030	59,430
Pelbagai Terimaan	14,760,851	78,973,080
BAYARAN	64,256,665,755	51,359,855,763
Perbelanjaan Pembangunan	63,275,221,797	49,330,957,654
Langsung	981,443,958	2,028,898,109
Pinjaman		
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	1,285,835,353	11,445,052,663
BAKI PADA 31 DISEMBER	(11,969,532,073)	(13,255,367,426)

(ii) Kumpulan Wang COVID-19

Kumpulan Wang COVID-19 ialah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang diwartakan penubuhannya pada 26 Oktober 2020.

Kumpulan Wang COVID-19 mengaunkan terimaan dan bayaran seperti yang diperuntukkan dalam Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830].

Terimaan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan dan pelbagai terimaan. Pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM38,000,000,000 bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 berjumlah RM37,711,016,365 digunakan untuk maksud program di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi.

Maklumat terperinci Kumpulan Wang COVID-19 boleh dirujuk di Lampiran 3 : Penyata Perbelanjaan COVID-19 bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Kumpulan Wang COVID-19 pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	761,369	-
TERIMAAN		
Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan	38,000,000,000	38,020,000,000
Pelbagai Terimaan	2,021,737	-
BAYARAN		
Perbelanjaan COVID-19	37,711,016,365	38,019,238,631
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	291,005,372	761,369
BAKI PADA 31 DISEMBER	291,766,741	761,369

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

(iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan utama kumpulan wang ini ialah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian daripada kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit) / Kredit RM	2020 (Debit) / Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN	17,584,177,887	11,116,223,509
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	1,000,000	1,000,000
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	17,583,177,887	11,115,223,509
AKAUN PERNIAGAAN	155,548,348	156,964,318
Stor dan Woksyp Tak Beruntuk	155,548,348	156,964,318
AKAUN PINJAMAN	3,685,699,902	2,985,563,130
Kontraktor	2,431,054	3,388,514
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam - Pinjaman Persekutuan	64,826,104	43,058,280
Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi	566,335,586	500,248,513
Pembangunan Ekonomi Belia	14,458,147	14,019,400
Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam	53,692,280	48,965,468
Pendahuluan Diri (Pegawai Awam)	142,920,499	39,625,187
Pendahuluan Pelbagai	50,260,492	50,108,420
Pendahuluan Untuk Negeri	855,523,583	874,893,583
Pinjaman Diraja	780,353	763,436
Pinjaman Kenderaan	63,649,113	63,491,343
Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain	1,467,050,834	1,022,193,268
Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah	20,271,657	14,182,456
Rakyat Malaysia di Luar Negeri	1,337,589	1,317,092
Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan	382,162,611	309,308,170
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA	1,500,000,000	1,499,999,980
Kumpulan Wang Luar Jangka	1,500,000,000	1,499,999,980
PELBAGAI KUMPULAN WANG	19,793,870,844	20,218,603,754
Amanah Negara	15,291,305,995	18,294,241,419
Amanah Pelajar Miskin	100,175,146	93,733,363
Amanah Sukan Negara	55,075,903	38,650,869
Bantuan Bencana Negara	269,621,226	212,008,291
Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas	1,003,400	996,200
Cadangan Untuk Negeri	412,992,483	347,094,275
Kebajikan dan Kemudahan Bagi Penuntut di Luar Negeri	1,769,524	2,080,495
Kumpulan Wang Amanah Bagi Pembangunan Projek ICT Sektor Awam	954,385	968,725
Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputra	472,854	472,854
Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan	562,866,676	506,131,754
Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni	266,689	341,547
Kumpulan Wang Amanah Kursi Eropah Bagi Pengajian Melayu Leiden University, The Netherlands	794	794
Kumpulan Wang Amanah Lembaga Peperiksaan Malaysia	255,830,418	103,241,716
Kumpulan Wang Amanah Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan (MSPK)	10,418,838	2,818,236
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara (INSPEN)	2,892,811	2,718,623
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam	6,175,844	6,175,844
Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) untuk Rokok dan Minuman Keras	42,361,858	40,837,387
Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama di Antara Negeri-negeri Semenanjung Malaysia	4,305,621	5,356,430
Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia	483,075	739,033
Kumpulan Wang Amanah Sokongan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	15,097,946	14,836,106
Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata	1,517,537	1,692,250
Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional	22,717,584	7,729,170
Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut	14,346,266	18,902,576
Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)	275,848,835	84,244,568
Penjelas Hutang	3,381,166	3,381,166
Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan	33,861,101	33,335,877
Perpustakaan Negara	1,205,403	1,227,574
Program Perumahan Rakyat Dimiliki	114,612,046	121,943,656
Skim Biasiswa Sukan Persekutuan	887,152	561,971
Tabung Bantuan Perubatan (TBP)	90,573,881	85,022,970
Tabung Bayaran Balik Cukai	2,181,012,904	167,287,155
Tabung Inovasi Negara (KWATIN)	19,813,117	19,813,117
Tabung Pustaka Peringatan P. Ramlee	22,366	17,743
PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	42,719,296,981	35,977,354,691

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah akta yang tersendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan atau perseorangan untuk tujuan tertentu. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta adalah Kumpulan Wang Amanah Awam yang bertujuan untuk membiayai Perbelanjaan Pembangunan tertentu.

Akaun Amanah yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
AMANAH AM	19,633,284,204	16,659,514,722
Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset	15,280,763,537	11,477,342,168
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	865,136,402	783,882,201
Akaun Amanah Pelaksana Projek / Program / Aktiviti Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta II	651,772,865	1,430,138,317
Akaun Amanah Pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak	524,256,490	557,179,250
Akaun Amanah Membangun/Menaiktaraf Sistem Pembetungan untuk Pembangunan Baharu	435,366,936	438,084,498
Pelbagai Amanah Am	1,875,987,974	1,972,888,288
AMANAH KHAS	3,438,566,266	3,412,661,031
Akaun Amanah Estet Kebankrapan	2,060,566,357	2,090,275,745
Akaun Amanah Tabung Bantuan Insolvensi	326,776,345	294,326,347
Kumpulan Wang Ditus Api	303,662,063	286,471,639
Akaun Amanah Am Pelikuidasi	288,965,462	312,579,832
Faedah atas Pelaburan untuk Deposit Mahkamah	288,137,223	275,829,411
Pelbagai Amanah Khas	170,458,816	153,178,057
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	23,071,850,470	20,072,175,753

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am ialah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan ialah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
DEPOSIT AM	11,836,424,195	11,303,344,115
Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut	7,476,484,583	7,091,482,309
Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	1,802,432,243	1,747,122,403
Deposit Mahkamah Tinggi	1,225,622,946	1,229,493,682
Deposit Imigresen	391,898,137	296,343,487
Deposit Cagaran	224,694,403	81,749,045
Pelbagai Deposit Am	715,291,883	857,153,189
DEPOSIT PELARASAN	129,731,470	132,415,698
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatat	62,077,240	63,294,909
Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan	46,096,022	34,238,566
Deposit Pembatalan Pencen Skim B	6,548,778	15,339,138
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatat - JHEV	4,556,223	4,375,175
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatat - JPA Pencen	4,433,883	9,335,673
Pelbagai Deposit Pelarasan	6,019,324	5,832,237
AKAUN DEPOSIT	11,966,155,665	11,435,759,813

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

8. PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

TERIMAAN

(a) Hasil

Hasil Bukan Cukai yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai berbeza sebanyak RM1,914,955,393 dengan Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan pelarasan pelbagai Akaun Deposit dan Akaun Premium/Diskaun Sekuriti Kerajaan.

Perbezaan Terimaan Bukan Hasil yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM667,015,110 dengan Penyata Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan oleh pelarasan pelbagai Akaun Deposit.

(b) Terimaan Amanah

Pelbagai Terimaan Amanah yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM7,912,260,848 merupakan baki bersih semasa akaun amanah tidak termasuk Kumpulan Wang Pembangunan, Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta, Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta, Kumpulan Wang COVID-19 dan pindahan lain daripada Akaun Pinjaman Disatukan.

BAYARAN

(a) Perbelanjaan Mengurus

Perbezaan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM2,143,430,200 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dengan Penyata Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan oleh pindahan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

Perbezaan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain berjumlah RM7,495,603 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dengan Penyata Akaun Hasil Disatukan di Nota 5 adalah disebabkan pelarasan kehilangan barang-barang dan wang kerajaan.

(b) Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Perbezaan perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19 sebanyak RM99,163,100 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dengan Penyata Akaun Amanah Disatukan di Nota 7(a) (ii) adalah disebabkan oleh pelarasan ke Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Negara.

(c) Perbelanjaan Modal

Pembelian Instrumen Kewangan yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM2,979,195,106 adalah merupakan pembelian bersih instrumen tersebut termasuk pelarasan kadar pertukaran mata wang asing bagi pelaburan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

9. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset merupakan sebahagian aset kewangan Kerajaan iaitu Akaun Belum Terima dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut dan Pelbagai Akaun Belum Terima. Kedudukan Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM113,045,075,728 dengan perincian seperti di bawah:

(i) Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut

Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut ialah pinjaman dan pendahuluan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Koperasi, Pelbagai Agensi dan Perseorangan.

Maklumat terperinci Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut boleh dirujuk di Lampiran 4 : Penyata Akaun Memorandum Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut pada 31 Disember 2021.

Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
PINJAMAN DAN PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT	57,846,052,679	58,900,685,743
Kerajaan Negeri	14,218,973,091	15,979,101,032
Syarikat	34,613,168,836	33,471,481,387
Badan Berkanun	6,963,127,525	7,120,406,614
Pihak Berkuasa Tempatan	136,242,276	143,178,696
Koperasi	237,272,363	237,272,363
Pelbagai Agensi	1,523,841,742	1,687,486,839
Perseorangan	153,426,846	261,758,812

(ii) Pelbagai Akaun Belum Terima

Pelbagai Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM55,199,023,049 berdasarkan rekod di Kementerian/Jabatan. Jumlah ini termasuk pinjaman dan pendahuluan di peringkat Kementerian/Jabatan selain daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM643,892,981. Tunggakan Pelbagai Akaun Belum Terima adalah sebanyak RM20,775,817,355 termasuk tunggakan faedah Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM2,943,083,873.

(b) Pelaburan

Pelaburan ialah pegangan ekuiti dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa.

Maklumat terperinci Pelaburan boleh dirujuk di Lampiran 5 : Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2021.

Pelaburan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 Nilai Buku RM	2020 Nilai Buku RM
PELABURAN	33,861,520,709	33,191,463,711
Syarikat	32,844,845,784	32,174,788,786
Badan Berkanun	978,100,696	978,100,696
Agensi Antarabangsa	38,574,229	38,574,229

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

10. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti merupakan liabiliti Kerajaan yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Komponen pelaporan memorandum ini merangkumi Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

(a) Hutang Persekutuan

Hutang Persekutuan diklasifikasikan sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan perenggan 2.1.82 *Cash Basis IPSAS*. Semua Sekuriti Hutang direkodkan pada nilai nominal dan hutang luar negeri dalam mata wang asing dinyatakan dalam nilai setara Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2021.

Pegangan Bukan Pemastautin bagi Pinjaman Dalam Negeri pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM241,846,230,000. Pegangan Pemastautin bagi Pinjaman Pasaran Luar Negeri pada 31 Disember 2021 adalah RM4,269,130,000.

Maklumat terperinci Hutang Persekutuan boleh dirujuk di Lampiran 6 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Hutang Persekutuan pada 31 Disember 2021.

Kedudukan Hutang Persekutuan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
PINJAMAN	975,231,047,500	874,339,147,500
Dalam Negeri	950,083,947,500	851,283,947,500
Bil Perbendaharaan	28,000,000,000	15,500,000,000
Terbitan Pelaburan Kerajaan	422,600,000,000	374,600,000,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	480,717,530,000	436,417,530,000
Sukuk	18,766,417,500	24,766,417,500
Luar Negeri	25,147,100,000	23,055,200,000
Pinjaman Pasaran		
BANTUAN LUAR NEGERI	4,583,313,818	5,220,561,310
Pinjaman Multilateral	115,512,192	153,108,619
Pinjaman Bilateral	4,467,801,626	5,067,452,691
HUTANG PERSEKUTUAN	979,814,361,318	879,559,708,810

(b) Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta

Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta ialah obligasi bayaran balik Kerajaan Persekutuan kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman bagi pendanaan projek-projek awam melalui Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta.

Maklumat terperinci Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta boleh dirujuk di Lampiran 7 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Inisiatif Pembiayaan Swasta pada 31 Disember 2021.

Kedudukan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
LIABILITI INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA	35,574,695,050	37,034,467,015
Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	19,366,381,805	20,447,965,015
MKD Aman Makmur Sdn. Bhd.	16,208,313,245	16,586,502,000

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

(c) Komitmen Kewangan

Komitmen Kewangan menunjukkan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat bayaran kepada pihak - pihak yang berkaitan. Kedudukan Komitmen Kewangan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM282,275,809,509 dengan perincian seperti di bawah:

i) Komitmen Jaminan

Komitmen Jaminan ialah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membayar balik pinjaman syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Maklumat terperinci Komitmen Jaminan boleh dirujuk di Lampiran 8 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Jaminan pada 31 Disember 2021.

Kedudukan Komitmen Jaminan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
KOMITMEN JAMINAN	229,391,741,672	216,841,563,770
Dalam Negeri	176,623,572,552	167,991,778,089
Luar Negeri	52,768,169,120	48,849,785,681

ii) Komitmen Pajakan Kewangan

Komitmen Pajakan Kewangan ialah obligasi bayaran pajakan Kerajaan Persekutuan di bawah perjanjian pajakan kewangan berdasarkan rekod di Kementerian/Jabatan.

Maklumat terperinci Komitmen Pajakan Kewangan boleh dirujuk di Lampiran 9 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Pajakan Kewangan pada 31 Disember 2021.

Nilai perbandingan bagi tahun 2020 untuk Komitmen Pajakan Kewangan Kerajaan Persekutuan telah dinyatakan semula daripada RM26,847,483,272 kepada RM26,849,157,677. Oleh itu, nilai perbandingan jumlah keseluruhan Komitmen Pajakan Kewangan bagi tahun 2020 turut dinyatakan semula daripada RM37,570,623,547 kepada RM37,572,297,952 disebabkan oleh pelarasan melibatkan tempoh bagi projek di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kedudukan Komitmen Pajakan Kewangan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
KOMITMEN PAJAKAN KEWANGAN	37,202,939,956	37,572,297,952
Pajakan Kewangan Kerajaan Persekutuan	24,855,765,206	26,849,157,677
Pajakan Kewangan Badan Berkanun	12,347,174,750	10,723,140,275

iii) Komitmen Bayaran Balik Cukai

Komitmen Bayaran Balik Cukai ialah obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membayar balik cukai yang telah dikutip tertakluk kepada proses semakan dan pengauditan.

Komitmen Bayaran Balik Cukai pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
KOMITMEN BAYARAN BALIK CUKAI	14,683,293,428	14,635,443,058
Cukai Pendapatan	13,042,914,435	12,186,431,101
Cukai Keuntungan Harta Tanah	603,286,067	575,429,182
Cukai Barangan dan Perkhidmatan	1,037,092,926	1,873,582,775

iv) Komitmen Pampasan

Komitmen Pampasan terdiri daripada Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya dan Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai Pendapatan.

Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya ialah obligasi bayaran pampasan berdasarkan terma-terma kontrak Kerajaan Persekutuan dengan syarikat-syarikat pemegang konsesi. Manakala, Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai pula ialah obligasi bayaran pampasan yang akan dibayar kepada pembayar cukai yang layak kerana kelewatan dalam membuat bayaran balik lebih cukai pendapatan.

Nilai perbandingan bagi tahun 2020 untuk jumlah Komitmen Pampasan telah dinyatakan semula daripada RM892,581,000 kepada RM973,669,713 disebabkan oleh pelaporan nilai Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai Pendapatan dibuat mulai tahun 2021.

Maklumat terperinci Komitmen Pampasan boleh dirujuk di Lampiran 10 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti - Komitmen Pampasan pada 31 Disember 2021.

Komitmen Pampasan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
KOMITMEN PAMPASAN	997,834,453	973,669,713
Pampasan Konsesi Lebuhraya	910,011,784	892,581,000
Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai Pendapatan	87,822,669	81,088,713

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

(d) Pelbagai Liabiliti

Pelbagai Liabiliti pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Nilai perbandingan bagi tahun 2020 untuk Nota Kena Bayar telah dinyatakan semula daripada RM236,620,627 kepada RM131,094,036 disebabkan oleh pelarasan amaun penunaian terkumpul bagi tahun-tahun terdahulu.

	2021 RM	2020 RM
PELBAGAI LIABILITI	150,953,607	172,473,614
Nota Kena Bayar	105,037,060	131,094,036
Sekuriti Tak Dituntut	31,088,778	27,343,222
Akaun Depositori Pusat	14,827,769	14,036,356

11. LIABILITI LUAR JANGKA

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar Kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku peristiwa tertentu. Liabiliti Luar Jangka terdiri daripada pinjaman badan berkanun dan syarikat milik Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan serta simpanan pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) di bawah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional.

Liabiliti Luar Jangka pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

- Pinjaman badan berkanun dan syarikat milik Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM310,387,529,248 seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96]. Ini termasuk jaminan pinjaman yang telah menjadi komitmen Kerajaan seperti dilaporkan di Nota 10(c)(i).
- Simpanan pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang berjumlah RM1,116,184,686,817 seperti yang diperuntukkan di bawah akta penubuhan kumpulan wang berkenaan.

Maklumat terperinci Liabiliti Luar Jangka boleh dirujuk di Lampiran 11 : Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun pada 31 Disember 2021.

12. WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR

Wang Pendahuluan Kontraktor pada 31 Disember 2021 adalah berjumlah RM995,056,556 berdasarkan rekod di Kementerian/Jabatan.